

Nama:

Kelas:

Latihan Unit 1: Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan

Jawab semua soalan.

1. Gambar 1 menunjukkan ahli keluarga yang sedang menggunakan telefon bimbit semasa di meja makan.



- a) Apakah perasaan anda apabila melihat situasi di atas? Jelaskan perasaan anda.

Perasaan saya apabila melihat situasi di atas ialah sedih dan _____. Saya berasa sedih kerana ahli keluarga sepatutnya _____ masa dengan _____ sewaktu makan seperti _____ menanyakan perkembangan ahli keluarga dan bukannya sibuk dengan menggunakan telefon bimbit. Selain itu, tindakan menggunakan telefon bimbit semasa di meja makan terutamanya ketika waktu makan diibaratkan seperti _____ menghormati rezeki iaitu _____ yang disediakan.

- b) Jelaskan **dua** nilai universal yang patut diamalkan oleh anggota keluarga yang gemar menggunakan gajet elektronik semasa di meja makan.

- i. Nilai _____. Anggota keluarga sepatutnya beradab sopan dan berbudi pekerti mulia ketika sedang makan dengan _____ menggunakan gajet elektronik semasa di meja makan bagi _____ rezeki yang sudah disediakan di hadapan mata.
- ii. Nilai _____. Anggota keluarga sepatutnya menghargai dan memuliakan seseorang serta _____ peraturan institusi sosial iaitu tindakan menggunakan gajet elektronik semasa di meja makan adalah tindakan yang _____ wajar dilakukan dan tidak menghormati _____ lain yang juga turut di meja makan.

- c) Berikan **dua** kesan negatif jika amalan penggunaan gajet elektronik semasa makan dengan ahli keluarga berterusan.

- i. Hubungan kekeluargaan menjadi tidak _____ kerana masing-masing sibuk dengan gajet elektronik semasa makan.
- ii. Dapat mengundang rasa _____ puas hati dalam kalangan anggota keluarga kerana merasakan tindakan menggunakan gajet elektronik semasa makan merupakan sesuatu yang _____ sopan dan tidak menghormati rezeki di hadapan mata.